

PM yakin rakyat tolak parti guna agama pancing undi

11 APR 1990

KUALA TERENGGANU 10 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa pilihanraya semakin hampir dan yakin rakyat tidak akan memilih parti yang berbentuk agama bertujuan memancing undi.

Perdana Menteri menegaskan pada dasarnya perjuangan parti pembangkang seperti PAS dan 46 boleh diketepikan bila-bila masa sahaja.

Umpamanya, PAS tidak setuju dengan pendapat DAP kerana perjuangan negara sekular

sedangkan parti itu mahu menjalankan pemerintahan sebagai sebuah negara Islam.

Serentak dengan itu, beliau berkata, keuntungan yang boleh dinikmati oleh UMNO berikutan dengan kerjasama PAS dan 46 dengan DAP akan

diketahui bila pilihanraya umum diadakan nanti.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Badan Perhubungan UMNO Terengganu dan Jawatan Kuasa Pergerakan Pemuda UMNO bahagian seluruh negeri di Wisma Darul Iman di sini, malam ini.

Perdana Menteri yang membuat lawatan singkat ke negeri ini juga sempat berbuka puasa dan bersembahyang maghrib berjemaah bersama pemimpin UMNO negeri dengan diimamkan oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad di tepi dewan situ.

Ini merupakan negeri pertama yang dilawati oleh Perdana Menteri berikutan syor Majlis Tertinggi UMNO supaya be-

liau dan timbalannya, Encik Ghafar Baba mengadakan siri lawatan ke negeri-negeri untuk menjelaskan perjuangan parti kepada pergerakan Pemuda UMNO.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata dalam perjumpaan itu, pergerakan Pemuda UMNO hanya mendengar penerangan tentang tugas dan sikapnya dalam memahami prinsip perjuangan parti supaya dapat sama-sama mengatur langkah untuk menghadapi pilihanraya yang akan datang.

Ditanya sama ada lawatan ini kemungkinan ada kaitan dengan masalah dalaman, beliau menyatakan, ia tidak timbul kerana ini bukan untuk melihat persiapan pilihanraya di negeri ini, tapi mengagatkan pergerakan untuk terus bergerak dalam sebuah parti.